

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Dr. Michael Jeyakumar Devaraj
[Sungai Siput]**

TARIKH : 11 MAC 2015 (Rabu)

SOALAN :

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan cadangan Kementerian untuk mendalamkan Sg. Pahang, Sg. Kelantan dan Sg. Perak yang telah menjadi cetek akibat pemendapan pasir hasil hakisan tanah di kawasan hulu.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar mengambil maklum akan masalah kecetekan sungai-sungai di seluruh Malaysia yang mana memerlukan kerja-kerja pengorekan bagi memastikan sungai-sungai ini mempunyai kapasiti yang mencukupi untuk aliran air semasa musim banjir.

Kementerian pernah memohon peruntukan bagi kerja-kerja pengorekan dan pembersihan sungai-sungai di dalam RMK-10 sebanyak RM150 juta, tetapi permohonan ini tidak diluluskan.

Jabatan Pengairan dan Sairan Malaysia (JPS) sedang melaksanakan Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Bandar Pekan Fasa II untuk mengatasi masalah banjir di Pekan, Pahang. Di antara komponen kerja dalam Projek RTB Pekan Fasa II tersebut adalah kerja-kerja pengorekan pasir yang bertujuan untuk mempertingkatkan sistem saliran dan aliran Sungai Pahang. Manakala pasir yang bersesuaian akan digunakan untuk kerja-kerja pembinaan levee.

Pihak JPS juga telah memohon peruntukan bagi kerja pengorekan Sungai Kelantan dan Sungai Perak dan sungai- sungai lain di dalam RMK-11.

Sekian, terima kasih.